

523:
MAHATHIR

1975

KUALA LUMPUR 20 APRIL (BERNAMA) - KEMENTERIAN PELAJARAN AKAN MEMBERI LAYANAN ISTIMEWA KEPADA ANAK-ANAK BEKAS PERAJURIT YANG MEMOHON BIASISWA KECIL, KATA MENTERI BERKENAAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI.

BERUCAP MERESMIKAN MESYUARAT AGUNG PERSATUAN BEKAS PERAJURIT CAWANGAN SELANGOR DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, BELIAU BERKATA PERTIMBANGAN SEWAJARNYA JUGA AKAN DIBERI UNTUK MENGURANGKAN BAYARAN YURAN SEKOLAH ANAK-ANAK BEKAS PERAJURIT YANG SUSAH.

DI SAMPING ITU, BELIAU JUGA TELAH MEMBUAT ARAHAN SUPAYA PIHAK KEMENTERIAN MENGUTAMAKAN BEKAS-BEKAS PERAJURIT MENGIISI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SEPERTI PENGAWAL DAN PEKERJAAN-PEKERJAAN YANG LAYAK BAGI MEREKA.

KATANYA, INI ADALAH SELARAS DENGAN DASAR KERAJAAN MENGUTAMAKAN BEKAS-BEKAS PERAJURIT DALAM BERBAGAI JURUSAN. -- BERSAMBUNG HM 1257

524:
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERHARAP BEKAS-BEKAS PERAJURIT TERUS MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM MEMPERTAHANKAN NEGARA.

KATANYA, MEREKA SEHARUSNYA MENGGANGAP DIRI MEREKA SEBAGAI PENGABDI KEUTUHAN NEGARA.

MEREKA JUGA HENDAKLAH MEMBERI Tauladan kepada masyarakat terutama sekolah-murid-murid sekolah tentang perlunya disiplin dalam hidup sehari-hari.

TERDAHULU DARI ITU, TIMBALAN Pengerusi Persatuan Bekas Perajurit, Cawangan tersebut, TAN SRI HAJI MUBIN SHEPPARD, MENGGESA SUPAYA KERAJAAN MENAIKKAN PENCEN ILAT BAGI BEKAS PERAJURIT YANG LUKA PARAH, cacat atau sakit berat. PENCEN TERSEBUT TIDAK MENERIMA PERUBAHAN SEJAK 15 TAHUN LALU.

BELIAU JUGA MENCADANGKAN KERAJAAN MENGADAKAN KUMPULAN RUMAH MURAH KHAS UNTUK BEKAS PERAJURIT YANG TUA SEPERTI YANG DIJALANKAN OLEH NEGARA-NEGARA COMMONWEALTH LAIN.

KEUTAMAAN JUGA HENDAKLAH DIBERIKAN KEPADA BEKAS PERAJURIT YANG MEMOHON LESEN TEKSI DAN MINIBAS, TAMBAHNYA. -- BERNAMA HM 13